

Berita

# Rangkaian asatizah lawan keradikalan sejajar cabaran kehidupan kini

► **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

RANGKAIAN baru mendekati belia dalam usaha menentang penganasan dan fahaman pelampau, yang antara lain disertai asatizah muda aktif di media sosial, suatu usaha yang amat diperlukan, kata Pengarah (Dasar dan Pembangunan Agama) Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Dr Nazirudin Mohd Nasir.

Ini lebih-lebih lagi dengan perkembangan terkini berhubung ancaman penganasan di Singapura dan dunia.

“Kami rasa sangat perlu untuk mengadakan rangkaian asatizah yang berkecimpung dalam pembangunan belia dan aktif di media sosial,” kata Dr Nazirudin.

Tambahnya, mereka dapat menjadi panduan dan suara membimbing belia Islam Singapura dalam isu keradikalan – sesuai dengan konteks Singapura.

Menurutnya, Muis akan memberi sokongan yang diperlukan, termasuk melatih dan membina keupayaan asatizah tersebut agar kehadiran dan kegiatan mereka di media sosial lebih berkesan.

Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam Dr Yaacob Ibrahim mengumumkan usaha itu dalam ucapannya di Perjumpaan Hari Raya Aidilfitri tahunan yang diacarakannya di Hotel Marina Mandarin kelmarin.

Selain asatizah, rangkaian itu akan disertai kumpulan belia.

Meskipun sudah mempunyai 11 anggota kini, Dr Nazirudin berkata rangkaian itu akan diperluas dan lebih ramai orang akan dikenal pasti untuk menyertainya pada masa depan.

Antara anggota rangkaian itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut Safinah, Ustaz Tarmizi Wahid, yang giat memanfaatkan media sosial untuk mendekati belia Muslim.

Namun demikian, menurut beliau, kesannya dapat digandakan apabila lebih banyak anggota asatizah bersatu dalam rangkaian itu bagi mencapai tujuan yang sama.

“Dengan usaha satu orang, kita mungkin boleh dapatkan 10 orang yang mendengar, tetapi dengan 11 orang, saya rasa ini boleh digandakan sehingga 1,000 orang,” ujarnya.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Ustaz Mizi dalam kalangan belia Islam di sini akur bahawa perjuangan menentang fahaman pelampau bukan mudah kerana cabarannya kian bertambah.

SEKILAS DAYA USAHA  
MEMPERKASA  
WARGA MELAYU/ISLAM  
SETEMPAT

## Muis

► Rangkaian asatizah dan kumpulan belia bakal ditubuh, cegah belia jadi radikal sendiri

► Anugerah Muis50 dan pelancaran buku mengenai jasa individu kepada Muis dan masyarakat

► Forum Ekonomi Islam Dunia

► Sidang Cendekiawan Agama Antarabangsa

## Mendaki

► Socialthon, yang melibatkan belia bagi menangani isu pelbagai bidang dalam masyarakat

► Perbualan Mendaki, iaitu usaha mendekati masyarakat di peringkat akar umbi agar lebih memahami cabaran dalam sekitaran yang kian berubah

“Asatizah sudah pun memainkan peranan, tetapi itu secara individu. Ini yang mungkin menyebabkan usaha kita, walaupun berlaku siang dan malam, kurang mendatangkan kesan baik yang dapat dilihat secara umum. Apa yang dapat membantu ialah apabila kita bersatu dan berusaha bersama,” katanya.

Beliau pun berkata asatizah boleh menangani cabaran itu dengan meningkatkan kehadiran masing-masing di media sosial kerana <sup>tidak dapat banyak</sup> ak pengaruh negatif di situ.

Setiausaha Parlimen (Ehwat Dalam Negeri merangkap Kesihatan), Encik Amrin Amin, menyambut baik tekad masyarakat menangani pelbagai cabaran masa kini, termasuk usaha asatizah yang giat mendekati golongan muda.

“Dalam menghadapi kesuahan berdepan dengan pihak yang cuba memecahbelahkan kita, kita bersatu dan menjadi lebih rapat.

“Kita juga bersatu mengumpulkan sumber, melakar strategi pendekatan... dan kekal utuh menolak fahaman pelampau,” katanya.

Tambah Encik Amrin, usaha asatizah muda yang bersatu dalam rangkaian itu juga menunjukkan bagaimana generasi baru tampil menangani cabaran seraya menyatukan masyarakat.